

**KENYATAAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**27 NOVEMBER 2015**

---

**1. PROMOSI BAYARAN CUKAI PINTU TAHUN 2016**

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa Promosi Bayaran Cukai Pintu 2016 telah bermula pada 15 November 2015 dan akan tamat pada 31 Disember 2015.

Pembayar cukai taksiran yang membayar **keseluruhan cukai tahunan 2016 berserta tunggakan (jika ada)** akan menerima 2 buku kupon letak kereta (kupon jam) percuma sebagai cenderahati bagi setiap akaun serta layak menyertai cabutan bertuah.

Sebanyak **50,000** buku kupon letak kereta (kupon jam) percuma telah disediakan bagi tahun ini sebagai cenderahati dan stok adalah terhad.

Bagi hadiah cabutan bertuah, berikut adalah senarai hadiah yang telah disediakan:-

KEDUDUKAN HADIAH	JENIS HADIAH
Hadiah Pertama	1 Unit Mountain Bike Venzo Viper 29
Hadiah Kedua	1 Unit Airwheel X8 Carbon Fibre
Hadiah Ketiga	1 Unit Mountain Bike Java Saetta
Hadiah Keempat	1 Unit Ipad Air Wi Fi 16GB
Hadiah Kelima	1 Unit Ipad Air Wi Fi 16GB
Hadiah Keenam	1 Unit Mountain Bike KAR-Gero QZ60
Hadiah Ketujuh	1 Unit Panasonic LED TV 43"
Hadiah Kelapan	1 Unit Mountain Bike KAR-Gero QZ50
Hadiah Kesembilan	1 Unit Acer Aspire Notebook PC
Hadiah Kesepuluh	1 Unit Acer Aspire Notebook PC
Lain-Lain Hadiah	40 Hadiah Lain berupa mountain bike, barang, elektrik, telefon pintar, tablet pc & perkakasan rumah.

Bagi promosi kali ini, MPSP telah memperkenalkan satu (1) kategori baru iaitu cabutan bertuah khusus kepada pemilik yang membayar **keseluruhan cukai tahunan 2016 berserta tunggakan (jika ada)** dan bayaran mestilah dibuat secara **ONLINE dalam tempoh yang telah ditetapkan.**

Sebanyak **lima (5) unit** telefon pintar jenama Samsung Galaxy A5 disediakan bagi kategori ini.

Sehubungan dengan itu, saya dengan ini menyeru kepada semua pemilik premis agar segera membuat bayaran cukai pintu tahun 2016 berserta tunggakan (jika ada), bagi melayakkan anda menerima cenderahati serta terpilih untuk cabutan bertuah.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah yang ditawarkan, sila layari laman web [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790** atau e-mail di [waran@mpsp.gov.my](mailto:waran@mpsp.gov.my).

## **2. TINDAKAN KE ATAS KESALAHAN YANG DIKESAN MELALUI KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV)**

Majlis Perbandaran Seberang Perai melalui peruntukan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memasang sebanyak 44 buah Kamera Litar Tertutup (CCTV) mulai tahun 2011. Manakala sebanyak 86 buah CCTV dipasang menggunakan peruntukan Majlis pada tahun 2014. Jumlah CCTV di MPSP adalah 130 unit.

MPSP menggunakan CCTV untuk memantau perkara-perkara dibawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu :-

- a. Tempat letak kenderaan
- b. Halangan am
- c. Aktiviti Penjaja
- d. Pembuangan sampah haram
- e. Anjing liar
- f. Kesesakan Lalulintas
- g. Lampu Awam / Lampu Isyarat
- h. Lain-lain perkara yang berkaitan MPSP

Tindakan penguatkuasaan yang telah diambil melalui maklumat CCTV mulai Januari 2015 hingga September 2015 oleh Direktorat Penguatkuasaan adalah seperti berikut :-

BILANGAN KES KESALAHAN DIKESAN	KES DIAMBIL TINDAKAN (DI TAPAK)		DIBERI AMARAN MELALUI PEMBESAR SUARA
	KOMPAUN	KUNCI TAYAR	
3,330	1,160	435	1,565

MPSP mendapati kesalahan masih dilakukan walaupun diambil tindakan di tapak dan diberi amaran melalui pembesar suara yang dipasang di CCTV. MPSP akan mengeluarkan tawaran mengkompaun ke atas kesalahan-kesalahan yang dikesan melalui

CCTV ini. Setelah dibuat penyemakan dengan agensi-agensi berkaitan, tawaran kompaun akan dihantar kepada orang yang didapati melakukan kesalahan berdasarkan kepada imej CCTV.

Tindakan penguatkuasaan yang diambil melalui imej CCTV ini akan mengoptimumkan penggunaan CCTV oleh MPSP. Penguatkuasaan melalui imej CCTV bagi orang awam yang melakukan kesalahan akan dilaksanakan mulai 1 Disember 2015.

### **3. PENUTUPAN BUKAAN DI PERSIMPANGAN JALAN NANGKA DENGAN LORONG NANGKA 5**

Dimaklumkan MPSP akan melaksanakan penutupan buaan di persimpangan Jalan Nangka dengan Lorong Nangka 5 bermula 1 Disember 2015 sehingga 29 Februari 2015 untuk tempoh percubaan 3 bulan. Penutupan buaan ini bertujuan untuk mengelakkan konflik pergerakan lalulintas serta kemalangan di persimpangan Jalan Nangka dengan Lorong Nangka 5.

Sehubungan itu, kenderaan dari Bandar Perda untuk membuat “U-TURN” adalah melalui buaan di persimpangan Jalan Nangka dengan Lorong Nangka 10. Manakala kenderaan dari Lorong

Nangka 5 boleh menggunakan laluan “U-TURN” sedia ada di bawah jejambat untuk ke arah Alma.

#### **4. SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2015, PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa pada 1 Disember 2015 (Selasa) MPSP akan mengadakan Sambutan Hari Lanskap Negara 2015, Peringkat Negeri Pulau Pinang bertempat di Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O, Bukit Mertajam SPT, bermula jam 8.00 pagi sehingga 12.00 tengahari. Sambutan Hari Lanskap Negara 2015, Peringkat Negeri Pulau Pinang ini akan dirasmikan oleh T.Y.T. Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Sambutan Hari Lanskap Negara Peringkat Negeri diadakan untuk mempromosikan industri lanskap dalam arus pembangunan negeri agar dapat membentuk lanskap perbandaran yang seimbang.

Tema bagi sambutan pada tahun ini adalah '**Taman Awam Wadah Gaya Hidup Sihat**'. Sejajar dengan matlamat Kerajaan Negeri

dalam mewujudkan persekitaran “*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*.

Aktiviti yang akan dianjurkan adalah seperti:-

- i. Penanaman Pokok
- ii. Senamrobik
- iii. Tarian Tradisional
- iv. Pertandingan Melukis Pemandangan
- v. Pertandingan Mewarna Kanak-kanak
- vi. Pertandingan Gubahan Bunga & Herba (Ulam)

Sehubungan dengan itu, saya dengan ini menjemput semua penduduk sekitar Bukit Mertajam dan seluruh Seberang Perai datang beramai-ramai bagi memeriahkan dan menjayakan Sambutan Hari Lanskap Negara 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 1 Disember 2015 di Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O, Bukit Mertajam.

Maklumat lanjut mengenai Sambutan Hari Lanskap Negara 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang, sila hubungi Jabatan Lanskap MPSP selaku Urusetia di talian **04-3105628 / 29 / 30 / 31**

## **5. PEGAWAI BARU KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dimaklumkan bahawa Puan Rozana binti Zakaria, Pegawai Penilaian Gred W41 (Memangku W44) dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta George Town, Pulau Pinang telah ditukarkan ke Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) Majlis Perbandaran Seberang Perai mulai 2 November 2015.

Puan Rozana binti Zakaria menggantikan Puan Rismawati Ahmad yang bertukar ke Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Sungai Petani, Kedah.

## **6. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan untuk kali ke-8 pada 6 Disember 2015 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Pada bulan ini, PWDC akan mengadakan kempen “*Penang Goes Orange*” di MPSP Car Free Morning. Kempen ini adalah sempena dengan Kempen 16 Hari Menghapuskan Keganasan Terhadap Wanita. Selain dari kempen “*Penang Goes Orange*”, aktiviti lain yang telah dirancang adalah gerai jualan dan pameran, senamrobiik, *Zumba Fitness*, *Busking* dan banyak lagi aktiviti menarik.

## **7. KARNIVAL LP MOUNTAIN BIKE 2015**

Sebagai makluman semua, LP MTB Club dengan kerjasama MPSP akan menganjurkan Karnival LP Mountain Bike 2015 pada 6 Disember 2015 (Ahad) bermula 7:00 pagi hingga 1:00 tengahari di Kompleks Sukan & Rekreasi SPT, Jalan Betek, Bukit Mertajam. Karnival ini juga adalah disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan warga Pulau Pinang lebih sihat. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada hari tersebut adalah *Mountain Bike* dan *Zumba*.

## **8. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobiik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3,

Seberang Jaya pada 6 Disember 2015 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 20 Disember 2015 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 27 Disember 2015 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**